

Cerakinan Bahasa Ubian Mantanani: Satu Rungkasan Awal

The Description of Ubian Language: A Preliminary Discussion

SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI

ABSTRAK

Orang Ubian boleh ditemui bukan hanya di negeri Sabah. Mereka juga boleh ditemui di seluruh pulau pesisir sepanjang kepulauan di selatan Filipina, Timur Sabah dan Barat Sabah. Kebanyakan orang Ubian awalnya mendiami kawasan kepulauan sebelum mereka berpindah ke pinggir pantai di daratan. Meskipun mereka sudah menjadi sebahagian daripada kumpulan suku minoriti di Sabah namun, tulisan atau catatan mengenai mereka belum banyak dibuat. Kebanyakan tulisan mengkhususkan kepada kelompok majoriti dalam rumpun bahasa ini, iaitu orang Bajau. Memandangkan belum ada sebarang tulisan yang memerihalkan bahasa Ubian maka, perbincangan dalam makalah ini hanya akan memfokuskan tentang inventori fonem dan leksikal asas bahasa Ubian. Data bahasa Ubian dalam perbincangan ini merupakan hasil kerja lapangan di pulau Mantanani, Kota Belud. Pulau Mantanani terletak 140km daripada Bandaraya Kota Kinabalu yang di dominasi oleh orang-orang Ubian yang menjadikan laut sebagai sumber kehidupan mereka. Turut dipaparkan adalah senarai leksikal bahasa Ubian yang diubah suai daripada senarai kata Swadesh sebagai catatan dan dokumentasi awal tentang bahasa masyarakat ini.

Kata kunci: Bahasa Ubian; Pulau Mantanani; fonologi; inventori fonem; Kota Belud

ABSTRACT

Ubian community can be found not only in the state of Sabah. They can also be found throughout coastal islands along the southern Philippines archipelago, Sabah east coast and west coast. Originally most Ubian inhabited the archipelagos before they moved to the coast on the mainland. Although they have become part of a minority group in Sabah, however, not much-written work yet been made for them. Most of the writing focused on the Bajau people who are the majority in the Bajau family language group. Therefore, the discussion in this paper will only focus on the phoneme inventory and basic lexical language of Ubian. The Ubian language data in this discussion is a result of fieldwork on the island of Mantanani, Kota Belud. The island of Mantanani is located 140km from the city of Kota Kinabalu which is dominated by the Ubian people who make the sea as sources of living. Also to display a list of the modified Ubian lexical languages from the Swadesh word list as an early entry and documentation of the language of the community.

Keywords: Ubian language; Mantanani Island; phonology; inventory phoneme; Kota Belud

PENGENALAN

Sebenarnya tidak banyak tulisan yang memerihalkan tentang orang Ubian. Orang Ubian merupakan salah satu kelompok penutur bahasa Austronesia yang mendiami kawasan pesisir pantai dan pulau-pulau di Sabah. Mereka juga dikenali sebagai masyarakat maritim. Orang Ubian mempunyai satu ungkapan berbunyi ‘*mangan embal mangan, bagpiin magtipun-tipun*’ yang maksudnya hampir sama dengan peribahasa Bajau ‘*mangan nia? mangan sukur jo kurung-kurung*’. Falsafah yang hampir sama juga dengan ungkapan orang Jawa, ‘*mangan ora mangan, asal kumpul*’. Kesemua ungkapan tersebut mempunyai maksud yang sama, iaitu ‘makan atau tidak yang penting berkumpul bersama.’

Seperti masyarakat maritim lain di Asia Tenggara, tidak ramai yang benar-benar mengenali orang Ubian. Dalam kalangan penduduk di Sabah, ramai yang keliru dan mengkatégorikan orang Ubian dalam kelompok yang sama dengan orang Bajau Semporna atau orang Suluk. Walhal mereka adalah kelompok minoriti yang tergolong dalam rumpun Bajau. Oleh yang demikian, makalah ini secara khusus memfokuskan kepada cerakinan yang asas terhadap bahasa Ubian khusus kepada bahasa Ubian yang dituturkan di Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah. Pencerakinan ini diharapkan akan mendedahkan bahasa ini sebagai pengetahuan dan maklumat kepada awam.

PERMASALAHAN DAN TUJUAN

Identiti orang-orang Ubian seolah-olah tenggelam dalam kelompok majoriti etnik Sama-Bajau sama ada di pantai barat mahupun di timur Sabah. Demikian situasinya apabila memperkatakan tentang bahasa. Tulisan ataupun sebarang catatan mengenai bahasa Ubian di daerah Kota Belud belum pernah didokumentasikan secara teratur. Kebanyakan tulisan atau catatan awal hanya mendokumentasikan kumpulan etnik dominan, iaitu orang-orang Bajau sama ada yang mendiami residensi pantai barat Sabah mahupun timur Sabah. Jika ada pun catatan berkaitan dengan bangsa Ubian, catatan tersebut hanya sekadar menyebut tanpa membincangkan lebih lanjut mengenai kelompok ini. Malah, tulisan-tulisan berkenaan tidak pula membincangkan secara mengkhusus tentang orang Ubian di Pulau Mantanani sebaliknya, tumpuan diberi terhadap orang Ubian di kawasan lain atau di wilayah lain. Keadaan sedemikian menyebabkan kurangnya maklumat mengenai mereka sama ada daripada aspek bahasa mahupun budaya.

Situasi tersebut dirumitkan pula dengan status pengelompokan bahasa tersebut yang sememangnya berasal dari selatan Filipina menyebabkan bahasa ini semakin dipinggirkan dan hanya digunakan dalam kalangan penutur yang sama sahaja. Terdapat variasi berbeza untuk merujuk kepada dialek-dialek yang digunakan oleh penutur bahasa Ubian antaranya dialek-dialek Sibutu? (Sibutu), Simunul, Tandubas, Obian, Balimbing, Bongao, Sitangkai, Languyan, Sapa-Sapa, dan Sama Sibutu. Selain di Sabah, orang-orang Ubian turut mendiami wilayah di selatan Filipina, yakni mereka bertumpu di Mindanau, pulau Tawi-Tawi, pulau Simunul, pulau Sibutu. Mereka juga tutur mendiami pulau-pulau besar lain yang terdapat di selatan Filipina. Dianggarkan sekitar 260,000 orang penutur bahasa ini di seluruh Filipina (www.ethnologue.com).

Etnologue telah meletakkan status bahasa Ubian sebagai 5 (developing - membangun) dengan maksud bahawa bahasa tersebut masih dituturkan dengan banyak malah, bahasa ini mempunyai bentuk sastera yang telah diseragamkan meskipun belum mampan sifatnya. Kenyataan tersebut berkemungkinan terjadi di selatan Filipina dan tidak berlaku di Sabah. Dalam konteks Sabah, bahasa ini tidak pernah diangkat menjadi salah satu bahasa dalam arus perdana sama ada digunakan dalam sistem pendidikan mahupun digunakan sebagai bahasa inter atau intra etnik. Berbanding dengan

bahasa Bajau yang berada serumpun dengan bahasa Ubian maka, bahasa Bajau mendapat tempat yang jauh lebih baik daripada bahasa Ubian. Keadaan sedemikian memperlihatkan bahawa bahasa Ubian adalah bahasa minoriti di Sabah berbanding di tanah asalnya di Selatan Filipina.

Walaupun hakikatnya orang-orang Ubian yang ada di Sabah ketika ini telah berhijrah daripada wilayah selatan Filipina sejak sekian lama namun, mereka masih kekal sebagai kelompok minoriti di Sabah. Rentetan itu, kekurangan maklumat yang berkaitan dengan bahasa Ubian khususnya yang dituturkan di Pulau Mantanani, Kota Belud perlu ditambah. Perbincangan dalam makalah ini bermaksud untuk dikongsi dengan khalayak luas yang mungkin pernah mendengar nama kumpulan etnik ini atau sebaliknya. Apatah lagi dalam konteks Sabah yang memiliki lebih daripada 30 suku kaum justeru, maklumat asas mengenai bahasa Ubian ini sekurang-kurangnya mampu dijadikan salah satu sumber pengetahuan awal mengenai bahasa berkenaan khususnya yang dituturkan di Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah.

KAJIAN PUSTAKA TERHADAP BAHASA UBIAN

Kekurangan maklumat dan pengetahuan mengenai bangsa Ubian berkemungkinan disebabkan mereka merupakan kelompok minoriti dalam rumpun Bajau yang akhirnya menyebabkan mereka seolah-olah terpinggir daripada laluan penelitian sebelumnya. Meskipun begitu, masih terdapat beberapa catatan yang ditemui dan membincangkan mengenai mereka daripada disiplin berbeza. Antara tulisan yang pernah membincangkan tentang bangsa Ubian misalnya hasil penyelidikan Halina Sendera Mohd Yakin (2003). Bahan ini sebenarnya merupakan bahan yang memerihalkan aspek akulturasi serta peranan komunikasi dalam proses tersebut. Penelitian ini difokuskan kepada kalangan imigran Filipina generasi pertama dan kedua di Sabah khususnya, orang Ubian yang mendiami kampung Baru-Baru, Tuaran, Sabah. Perbincangan juga didapati membandingkan proses akulturasi orang Ubian berkenaan dengan orang Bajau di sekitar kampung berkenaan. Antara aspek yang dilihat adalah kefasihan berbahasa, hubungan peribadi, pengetahuan budaya dan amalan-amalan yang dipraktikkan. Namun secara keseluruhan, bahan ini tidak mampu menggambarkan sama ada mengenai

bangsa Ubian secara terperinci mahupun bahasa yang mereka tuturkan.

Selain itu, bahan yang ditulis oleh Mohd Jirey Kumalah, et al. (2015) yang membincangkan tentang aspek pelancongan berasaskan komuniti dengan tujuan untuk mencapai pembangunan lestari agar, komuniti luar bandar dapat meningkatkan taraf hidup mereka tanpa merosakkan alam sekitar. Tulisan ini memfokuskan kepada Pulau Mantanani kerana keunikan komunitinya yang hampir 100% terdiri daripada bangsa Ubian. Tulisan ini ditumpukan kepada enam klasifikasi melibatkan kearifan tempatan yang boleh dijadikan sebagai tarikan pelancongan, iaitu masakan; kraftangan dan pertukangan; permainan tradisi; kemahiran hidup; seni tarian dan muzik; majlis keraian dan perayaan. Setiap kearifan tempatan ini mempunyai potensi untuk dijadikan sebagai tarikan pelancong. Pemerksaan kearifan tempatan komuniti pulau bukan sahaja penting untuk tarikan pelancong tetapi yang lebih utama adalah ia mampu dipelihara agar terus kekal lestari untuk tatapan dan amalan generasi akan datang. Walau bagaimanapun, bahan ini juga langsung tidak memperincikan atau menyentuh tentang struktur bahasa Ubian.

Ismail Ibrahim et al. (2013) pula menampilkan satu dokumentasi tentang keunikan hasil kesenian dan adat resam dalam kehidupan masyarakat tradisi. Dokumentasi berkenaan secara khusus menumpukan perhatian kepada masyarakat kepulauan pesisir Sabah khususnya, dalam kalangan orang-orang Bajau di Pulau Omadal, Pulau Bum-Bum, Pulau Libaran, Pulau Banggi dan di Pulau Jambongan, Sabah. Bahan ini hanya memerihalkan tentang adat kematian orang Ubian di Pulau Jambongan. Secara umum, tiada perbincangan mengenai bahasa dan budaya terperinci orang Ubian dilakukan. Makalah Roszman Hussin & Velan Kunjuraman (2015) pula membincangkan tentang transformasi yang diperlukan oleh penduduk di pulau Mantanani daripada segi keperluan mempelbagaikan pekerjaan dan aktiviti ekonomi agar penduduk di pulau ini mampu keluar daripada kekangan kemiskinan. Hasil perbincangan ini mendapati penduduk di pulau itu yang rata-ratanya berketurunan Ubian sememangnya berminat untuk mengubah keadaan hidup mereka namun, mereka memerlukan sokongan daripada pihak kerajaan, pihak swasta dan pihak NGO untuk menjayakan usaha sedemikian. Tulisan Zaimie Saibil (2016) pula telah memerihal tentang ritual adat korban sebagai salah satu adat dalam budaya orang-orang Ubian di Pulau Banggi, Kudat, Sabah.

Adat Korban bagi orang-orang Ubian berbaur antara agama Islam dan kepercayaan tradisional mereka. Adat itu ditanggap sebagai satu keperluan yang mesti dilakukan oleh semua orang Ubian kerana dipercayai jika adat korban itu tidak dilakukan maka, kelak di akhirat mereka tidak mempunyai haiwan tunggangan. Amalan dan kepercayaan sedemikian terus dipelihara oleh generasi tua. Generasi baharu yang sudah memahami secara mendalam mengenai fahaman agama Islam sudah mulai meninggalkan adat ini. Ketiga-tiga tulisan ini hanya berfokuskan kepada hasil kesenian dan adat resam, aspek transformasi ekonomi serta tradisi korban sahaja tanpa sedikit pun menyentuh tentang aspek bahasa Ubian secara tuntas.

Berasaskan beberapa contoh dokumentasi yang ada dicatatkan dan menyentuh tentang bangsa Ubian jelas memperlihatkan bahawa kumpulan masyarakat ini masih kurang dikenali dan sering terpinggir daripada perhatian kalangan penyelidik di Malaysia. Hal ini berkemungkinan disebabkan kurangnya maklumat tentang mereka dan mereka juga kurang terdedah kepada khalayak besar di Sabah secara khusus dan di Malaysia amnya.

TATA KAEDAH DAN PENDEKATAN STRUKTURAL

Tulisan ini memanfaatkan dua kaedah kajian utama, iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kedua-dua kaedah ini dimanfaatkan bagi memperoleh satu hasil yang dapat lengkap dan tuntas. Beberapa kaedah (misalnya, temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian ikut serta) telah dimanfaatkan dalam usaha memperoleh data di lapangan. Semua data turut dirakam untuk memudahkan ia didengar semula. Rakaman merujuk kepada aktiviti mengumpul data leksikon budaya setempat, data penceritaan, serta data temu bual tidak berstruktur. Hasil rakaman ini menjadi data mentah terpenting bagi proses pentranskripsian bentuk fonetik. Selain itu, kiraan kognat turut dibuat untuk menentukan hubungan antara bahasa sumber dengan bahasa yang dibandingkan, yakni bahasa Austronesia purba (BAP) dengan bahasa Ubian, pulau Mantanani dan bahasa Bajau Kota Belud.

Daftar kata ini berasaskan daftar kata yang dipakai di Borneo oleh Collins (2005) dan rakan-rakan penyelidik beliau antaranya, Collins & Chong Shin (2010) dan Yusriadi (2006). Daftar kata ini telah disesuaikan pula dengan kenyataan/konteks

sebenar (*reality*) di Sabah. Namun, disebabkan keterbatasan masa maka, jumlah 500 item tersebut terpaksa dikurangkan hanya kepada 200 item. Penentuan 200 item tersebut adalah berdasarkan senarai Swadesh (yang lebih dikenali sebagai daftar kata Swadesh) yang juga telah disesuaikan. Daripada 200 perkataan yang dikutip hanya 100 perkataan sahaja yang digunakan sebagai perbincangan. Penyesuaian tersebut dibuat mengikut senarai leksikal yang dipakai Collins dalam penyelidikan beliau, antaranya di Temerloh, Pahang (Collins 1983a), di Hulu Terengganu (Collins 1983b) dan di Sarawak (Collins 1987). Seperti yang telah dinyatakan, perbincangan dibataskan kepada aspek fonologi/tata bunyi khusus untuk menentukan inventori fonem serta melihat dua ciri fonologi yang berlaku dalam bahasa Ubian daripada sumber asal bahasa Austronesia purba, iaitu ciri inovasi dan retensi pada posisi kata. Semua data bahasa Ubian dikumpulkan semasa melakukan kajian lapangan pada tahun 2016 di Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah. Temu bual dijalankan melalui pertanyaan leksikal demi leksikal di dua buah kampung yang terdapat di pulau itu, iaitu kampung Padang dan kampung Siring Bukit. Penggunaan tata cara ini disebabkan tumpuan penyelidikan hanya untuk mencungkil aspek fonologi.

Penelitian dini ini adalah berlandaskan kepada pendekatan struktural. Dalam analisis data yang berkait rapat dengan bidang fonologi, pendekatan struktural diguna pakai untuk menganalisis data. Pemilihan pendekatan ini sebenarnya didasarkan kepada beberapa hipotesis umum yang terdapat dalam pendekatan ini. Pertama, kaedah yang dipakai dalam pendekatan ini adalah bersifat empiris (induktif). Berdasarkan kaedah ini, sejumlah korpus bahasa yang diperoleh digeneralisasikan secara sistematik. Kedua, bahasa itu adalah ujaran dan kemudiannya tulisan. Jadi, yang diteliti dan dicatat ialah bahasa lisan. Ketiga, bahasa merupakan satu produk yang terdiri daripada unsur bunyi dan makna. Keempat, pengelasan bunyi berdasarkan penyebarannya (Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman 2014).

Memandangkan setiap bahasa mempunyai identitinya sendiri maka, ia perlu dibezakan dan diketahui ciri-ciri khususnya agar sesuatu bahasa itu mudah dipelajari. Menurut Saussure (1857-1913), deskripsi pendekatan struktural adalah berasaskan ciri atau sifat khusus sesuatu bahasa itu, yakni mengetahui ciri-ciri khusus sesuatu bahasa agar mudah mempelajari bahasa berkenaan. Alwasilah (2011) pula menambah bahawa pendekatan struktural

itu merangkum 10 hal berikut (i) membezakan makna leksikal dengan makna struktur; (ii) nahu dilihat dalam bentuk yang sangat formal; (iii) sintaksis diteliti menerusi bentuk kata, susunan, fungsi dan intonasi; (iv) analisis meliputi fonem, dan makna sehingga struktur ayat; (v) kata-kata dikategorikan kepada fungsi dan jenis; (vi) lisan dan tulisan dibezakan; (vii) meneliti ragam bahasa; (viii) ayat diteliti secara langsung tanpa mengetepikan makna tersirat; (ix) aspek perbandingan yang terdapat dalam ayat turut dikaji; dan (x) bahasa dianggap sebagai proses stimulus-respon.

Dalam pendekatan struktural, kaedah deskriptif sesuai digunakan untuk memerihal aspek bunyi-bunyi bahasa, konsonan, vokal, dan diftong yang terdapat dalam kawasan kajian ini. Menurut Abdullah Hassan (1980), analisis deskriptif terbit daripada kaedah tradisi yang menghuraikan struktur bahasa, termasuklah bunyinya. Bunyi-bunyi yang didengar itu dipinggalkan dan diberi lambang. Kemudian, bunyi-bunyi tersebut digolongkan kepada jenis-jenisnya atas dasar persamaan ciri fonetik.

BANGSA UBIAN

Secara dokumentasi rasmi, belum terdapat satu tulisan yang benar-benar memerihal orang Ubian di Sabah khususnya. Dalam buku Tahunan Perangkaan Sabah (2015), populasi mereka disatukan di bawah kategori Bumiputera lain dengan jumlah 12,878 orang walhal, orang-orang Ubian hanyalah sekumpulan kecil manusia yang menghuni pulau-pulau dan kawasan pinggir pantai di sekitar daerah Kota Belud. Justeru, jumlah populasi itu bukan angka perwakilan yang boleh menggambarkan jumlah sebenar orang-orang Ubian di Kota Belud. Mereka boleh dianggap sebagai kelompok minoriti yang mendiami pulau-pulau dan kawasan pinggir laut di daerah Kota Belud.

Berasaskan sumber lisan daripada En. Albi bin Alat (63 tahun) mantan ketua kampung di pulau Mantanani, Kota Belud, orang Ubian sebenarnya berasal dari pulau Ubian, Filipina. Mereka mulai berpindah ke Sabah sebelum Perang Dunia II. Bangsa Ubian merupakan masyarakat kepulauan maka, mereka berpindah ke pulau-pulau yang terletak di pesisiran Sabah antaranya pulau Mantanani. Sebenarnya, orang-orang Ubian juga tergolong dalam kelompok besar rumpun Samalic. Sekitar tahun 1887, berlaku penghijrahan beramai-ramai orang Bajau dari kepulauan Tawi-Tawi ke pesisiran pantai Sabah. Catatan yang dibuat oleh Warren

(1971) menjelaskan seramai 200-250 orang Bajau Balangingi yang berasal dari pulau Tatagan telah berpindah ke daerah Semporna. Setahun kemudian, yakni pada 1888 pula, orang-orang Bajau dari pulau Simunul, pulau Tawi-Tawi, pulau Ubian dan pulau-pulau berdekatan telah berpindah ke kawasan Teluk Darvel di Lahad Datu, Sabah. Jadi, tidaklah menghairankan jika berlaku dan terdapat perpindahan orang Bajau dari pulau-pulau di selatan Filipina ke pulau-pulau pesisir pantai barat Sabah seperti pulau Mantanani. Terdapat faktor penarik dan penolak yang menyebabkan perpindahan tersebut berlaku. Kebanjiran orang-orang Bajau dari pulau-pulau di sekitar selatan Filipina disebabkan kemakmuran yang dinikmati oleh penduduk tanah besar Borneo yang berada dalam wilayah Kesultanan Brunei dan British North Borneo Chartered Company (BNBCC) merupakan faktor penarik kepada penghijrahan mereka selain, faktor ancaman serta cengkaman penjajahan Sepanyol pada ketika itu yang menindas penduduk di kawasan pulau-pulau selatan Filipina yang menjadi faktor penolak kepada penghijrahan yang berlaku (Ismail Ibrahim et al. 2013: 13).

Terbitnya nama suku-suku Bajau yang ada hari ini adalah didasarkan kepada nama tempat asal kediaman mereka, yakni nama pulau-pulau yang mereka diami di selatan Filipina misalnya, Simunul berasal dari pulau Simunul, Laminusa dari pulau Laminusa, Bannaran dari pulau Bannaran, Sibutu dari pulau Sibutu, Kagayan dari pulau Cagayan Sulu, Suluk dari Sulu/Tausug, Ubian dari pulau Ubian. Pelabelan sesuatu kaum adalah didasarkan kepada medium pertuturan yang digunakan. Hal itu begitu signifikan dalam merumuskan sesuatu rumpun bangsa. Apatah lagi, bahasa Ubian tergolong dalam Rumpun Keluarga Bahasa Bajau maka, tidaklah terlalu aneh jika wujud persamaan dan saling faham antara seluruh penutur di bawah rumpun tersebut.

PULAU MANTANANI

Pulau Mantanani adalah sebuah pulau yang kaya dengan keindahan alam semula jadi. Pulau sepanjang 3km ini terletak di barat laut daerah Kota Belud, Sabah. Pulau Mantanani terdiri daripada tiga buah pulau kecil, iaitu Mantanani Besar, Mantanani Kecil dan pulau Linggisian. Jika ditinjau dari udara, pulau kecil ini kelihatan berbentuk ikan duyung. Pulau ini dihuni oleh hampir 1,000 orang penduduk. Majoriti penduduk pulau ini berbangsa Bajau Ubian dan beragama Islam. Hanya dua buah kampung terdapat

di pulau ini, iaitu kampung Padang dan kampung Siring Bukit. Kebanyakan penduduk di pulau ini menjadikan laut sebagai sumber kehidupan selain bekerja sebagai pekerja-pekerja di resort-resort yang terdapat di pulau ini. Terdapat beberapa resort disediakan di pulau ini, antaranya resort Palm Beach, resort Mantanani Dream, resort Mari-Mari, resort Low Price Holiday, dan resort Bambaran Beach. Selain tarikan persekitaran pulau dan pantai, Pulau Mantanani unik daripada segi budaya dan cara hidup komunitinya. Salah satu tarikan budaya yang boleh diperkasakan untuk pelancongan berasaskan komuniti ialah kearifan tempatan (*local knowledge*) etnik Bajau Ubian itu sendiri (Mohd Jirey Kumalah et al. 2015:113). Pulau Mantanani dihubungkan dengan tanah besar melalui jalan laut yang mengambil masa 45 minit sama ada melalui jeti di kampung Kuala Abai ataupun jeti di kampung Rampayan Laut namun, masa yang lebih lama diambil sekitar 1½ jam jika menaiki bot dari jeti di Bandaraya Kota Kinabalu. Bagi penduduk setempat di daerah Kota Belud, kawasan-kawasan lain seperti di kampung pantai Emas, dan kampung Tamau juga boleh menjadi laluan ke pulau tersebut. Pulau ini termasuk dalam tadbiran Dewan Undangan Negeri Usukan yang diwakili oleh Datuk Seri Panglima Salleh Tun Said.

Menurut cerita penduduk setempat, dikatakan, asal usul nama Mantanani itu adalah gabungan daripada kata 'manta' yang bermaksud selimut dalam bahasa Ubian dan, kata 'nani' yang, dipercayai sebagai nama seorang lelaki perkasa yang melawan musuh pada ketika itu. Menurut cerita orang-orang kampung, pada ketika itu hanya lelaki bernama Nani itu sahaja yang memiliki selimut (sumber: En. Albi Alat [65 tahun]). Oleh yang demikian, Mantanani itu bermaksud 'selimut nani'. Memandangkan hanya lelaki berkenaan sahaja yang memiliki selimut dan dikatakan dia sangat perkasa maka, pulau itu dinamakan sebagai Mantanani, yakni bersempena nama lelaki itu dan selimut yang dipunyainya.

INVENTORI FONEM BAHASA UBIAN

Belum terdapat sebarang catatan atau dokumentasi dibuat secara khusus mengenai inventori fonem bahasa Ubian. Justeru, ramai penutur bahasa menanggapi bahawa bahasa ini sama atau tergolong dalam kelompok bahasa Bajau lain. Meskipun bahasa Ubian merupakan sebahagian daripada bahasa dalam Rumpun Keluarga Bahasa Bajau dan mempunyai persamaan sama ada daripada aspek leksikal

mahupun struktur bahasanya namun, keperluan untuk mengetahui secara terperinci mengenai sistem bahasa ini masih perlu dibuat dan didokumentasikan.

Inventori vokal merujuk kepada senarai vokal yang bersifat dalaman yang wujud dalam sesuatu bahasa. Maksud inventori vokal ini boleh dijelaskan sebagai aspek serta sifat dalaman yang diterbitkan daripada setiap fonem vokal yang wujud dalam bahasa. Antara aspek dalaman yang diterbitkan fonem ini ialah berdasarkan fitur distingtifnya serta penyebaran fonem-fonem tersebut. Fonem-fonem berbeza antara satu sama lain berdasar fitur distingtifnya, iaitu unit terkecil nahu yang membezakan makna (Nurliayana Zainal Abidin & Adi Yasran Abdul Aziz 2016).

Dalam kajian linguistik, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang telah dianalisis. Transkripsi fonetik dilakukan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet* (IPA). Setiap bunyi yang wujud dalam kawasan kajian ini dipaparkan dalam bentuk rajah. Seterusnya, penyebaran bunyi vokal dan konsonan di semua posisi kata sama ada pada awal, tengah, atau pada akhir kata akan dipaparkan. Hasil penelitian ini didapati bahasa berkenaan mempunyai 17 fonem konsonan /p, b, t, d, k, g, ʔ, h, j, s, m, n, ŋ, r, l, w, y/ dan 6 fonem vokal /i, u, o, a, ə, e/. Ia dapat diteliti sebagaimana jadual-jadual di bawah ini.

JADUAL 1. Inventori Fonem Vokal

	depan	tengah	belakang
Tinggi	i		u
Separuh Tinggi	e	ə	o
Separuh Rendah			
Rendah		a	

JADUAL 2. Inventori Fonem Konsonan

Daerah sebutan	Dua bibir	Gigi gusi	Lelangit keras	Lelangit lembut	Pita suara
Letupan/plosif	p b	t d		k g	ʔ
Geseran/frikatif		s			h
Sengau/nasal	m	n		ŋ	
Getaran/trill		r			
Sisian/lateral		l			
Separuh vokal	w y		j		

JADUAL 3. Penyebaran Vokal pada Posisi Kata

Jenis vokal	Penyebaran vokal pada posisi kata					
	AWAL	MAKNA	TENGAH	MAKNA	AKHIR	MAKNA
/i/	iya	dia	diki?	kecil	ai	apa
/u/	uung	hidung	lubit	tali	aku	saya
/o/	ovou	panjang	bowa?	mulut	ilo	telur
/ə/	əllum	hidup	lemmi?	kotor	-	-
/a/	au	anjing	yap	ayam	ipa	kulit
/e/	-	-	kememon	semua	tekale	mendengar

Jadual 3 di atas memperlihatkan penyebaran fonem vokal di semua posisi kata kecuali bagi fonem fonem /ə/ yang tidak terdapat di posisi akhir dan fonem /e/ yang tidak terdapat di posisi awal.

JADUAL 4. Penyebaran Konsonan Letupan pada Posisi kata

Jenis konsonan	Penyebaran konsonan letupan pada posisi kata					
	AWAL	MAKNA	TENGAH	MAKNA	BELAKANG	MAKNA
/p/	pasu?	panas	kepet	sayap	tongkop	tutup
/b/	baha	bahu	labu?	jatuh	-	-
/t/	toho?	kering	mata	mata	malut	pegang
/d/	daleya	hutan	tandawan	tingkap	tuud	lutut
/k/	kenop	tambah	takka	datang	lawak	jauh
/g/	gaddung	hijau	sigaaam	mereka	kagkag	kurus
/ʔ/	-	-	bu?un	rambut	lua?	dari

Jadual 4 di atas memperlihatkan penyebaran fonem konsonan di semua posisi kata kecuali bagi fonem /b/ yang tidak terdapat di posisi akhir kata serta, fonem /ʔ/ yang tidak terdapat di posisi awal kata.

JADUAL 5. Penyebaran konsonan nasal pada posisi kata

Jenis konsonan	Penyebaran konsonan nasal pada posisi kata					
	AWAL	MAKNA	TENGAH	MAKNA	BELAKANG	MAKNA
/m/	mono	pukul	ambau	tikus	ellum	hidup
/n/	nesop	menghisap	manuk	ayam	samin	cermin
/ŋ/	ngekkot	melekat	tainga	telinga	pinong	potong

Jadual 5 di atas memperlihatkan penyebaran konsonan nasal pada semua posisi kata dalam bahasa Ubian di Pulau Mantanani.

JADUAL 6. Penyebaran konsonan geseran; getaran dan separuh vokal pada posisi kata

Jenis konsonan	Penyebaran konsonan geseran; getaran dan separuh vokal pada posisi kata					
	AWAL	MAKNA	TENGAH	MAKNA	BELAKANG	MAKNA
/s/	siali	adik	tasayu	tahu	ungus	pasir
/h/	haron	tangga	buhat	berat	mainggah	di mana
/l/	labu?	jatuh	rella?	lidah	pitukal	pisang
/r/	rogdog	guruh	kura	kuda	-	-
/j/	jalum	jarum	badju	baju	-	-
/w/	walu?	lapan	ruwak	monyet	-	-
/y/	-	-	keyot	Udang kara	-	-

Demikian juga dengan jadual 6 di atas yang memperlihatkan penyebaran konsonan geseran; getaran dan separuh vokal pada semua posisi kata kecuali bagi fonem /r, j, w, y/ yang tidak terdapat pada posisi akhir kata. Bahasa Ubian mempunyai dua jenis diftong, iaitu diftong depan /a+u/ dan diftong belakang /a+u/. Selain diftong, didapati terdapat lima rangkap vokal dalam bahasa ini sebagaimana jadual 7 di bawah ini.

JADUAL 7. Rangkap Vokal

Vokal Rangkap	Struktur urutan vokal	Ubian	makna
depan-tengah	/i/ + /a/	siali	bongsu
depan- belakang	/i/ + /u/	baliu	angin
tengah-belakang	/a/ + /i/	sai	siapa
belakang-tengah	/u/ + /a/	buani	lebah
rendah-belakang	/a/ + /u/	nangkau	mencuri

Terdapat lima gugus konsonan dalam bahasa Ubian sepertimana paparan di bawah ini.

Gugus Konsonan

nd	-	denda	= perempuan
mb	-	ambau	= tikus
mp	-	empon	= gigi
ngk	-	tongkop	= tutup
ngg	-	sengga	= dahan

Selain itu, terdapat Gugus Konsonan di tengah kata, seperti berikut.

gd	-	rogdog	= guruh
gh	-	maghinang	= bekerja
gk	-	kagkag	= kurus
ngp	-	sangpu?	= sepuluh
dj	-	badju	= baju
sl	-	paslad	= kencang
dd	-	gaddung	= hijau

gg	-	saggau	= tangkap
kk	-	takka	= datang
ll	-	tellu	= tiga
mm	-	lemmi?	= kotor
nn	-	bennal	= benar
pp	-	nguppi	= mimpi

Struktur Suku Kata

C	-	on	= nama
VC	-	siag	= kain
CV	-	sekot	= dekat
CVC	-	tongkop	= tutup

KATA GANTI NAMA DALAM BAHASA UBIAN

Kata Ganti ini mengandungi tiga jenis bentuk panggilan, iaitu kata ganti diri pertama; kata ganti diri kedua; dan kata ganti diri ketiga. Penggunaan ketiga-tiga bentuk panggilan berkenaan tidak terikat dengan sebarang konteks sosiolinguistik.

JADUAL 8. Kata Ganti Nama dalam bahasa Ubian

Jenis Kata Ganti Nama Diri		Tunggal	Jamak	Erti
Pertama	eksklusif	aku	kita	saya
	inklusif		kami	
Kedua		kaa	kam	kamu
Ketiga		iya	sigam	dia/mereka

Angka

Sistem penomboran asas dalam bahasa ini hanya mengandungi morfem tunggal sahaja.

Angka	
satu	isa
dua	dua
tiga	tellu
empat	mpat
lima	lima
enam	ennom
tujuh	pitu?
lapan	walu?
sembilan	siyam
sepuluh	sangpu?

Selain itu diperlihatkan juga sistem penomboran asas dialek-dialek dalam rumpun keluarga bahasa Bajau yang memperlihatkan persamaan antara satu dengan yang lain.

JADUAL 9. Perbandingan sistem penomboran asas Dialek-dialek dalam Keluarga Bahasa Bajau

*BAP	Bajau Darat	Bajau Kubang	Pala?u	Ubian Pulau Mantanani	Bajau Yakan	Bajau Sangkuang, Indonesia	Suluk	makna
*?isa ?	isa?	assa?	essa?	esa?	dembua?	dakau	isa?	satu
* dusa	duwo	ruwa	duwa	dua	due	dua	duwa	dua
* telu	telu	tullu	tellu	tlu	tellu	tullu	tu	tiga
* mpat	mpat	ampat	empat	empat	ampat	mpa?	upat	empat
* lima	limo	lima	lima	lima	lime	lima?	lima	lima
* enem	enem	onom	ennom	enom	ennem	nnang	unum	enam
* pitu?	pitu?	pitu?	pitu?	pitu?	pitu?	pitu?	pitu?	tujuh
*walu/h	wau?	walu?	walu?	walu?	walu?	walu?	walu?	lapan
*siyam	siyam	siyam	siyam	siam	siyam	sanga	siyam	sembilan
*sa-puluq	sepu	sangpu?	sangpu?	sangpu?	sampu	sapulu	hampu?	sepuluh

Warna

Berikut merupakan istilah untuk warna asas dalam bahasa Ubian.

Warna	
putih	pote?
hitam	ettom
coklat	cuklat
kelabu	abu-abu
merah	keyat
Merah jambu	kalas
biru	bilu
hijau	gaddung
kuning	biyaning
oren	oren
ungu	taluk

Kata Tanya

Terdapat enam bentuk kata tanya dalam bahasa ini.

Soalan	
bila?	sumilan
bagaimana?	bataingga
mengapa?	yangai
ke mana?	pingga
di mana	maingga
dari mana?	baika mainggah

Kata-kata Asas

Berikut disenaraikan kata-kata asas dalam bahasa Ubian.

Bahasa Melayu	Bahasa Ubian
mata	mata
kening	kilai
Bulu mata	bu mata
hidung	ung
telinga	tainga
pipi	papa
rambut	bu?un
gigi	empon
mulut	bowa?
bibir	bowa?
tangan	tangan
kuku	kukku
jari	anak tangan
lengan	langgon
bahu	baha
leher	kellong
lutut	tuud
paha	paa
pinggang	kompany
lidah	della
kepala	kok
jantung	jantung
Paru- paru	paru-paru
ayam	manuk
kucing	kuting
anjing	ero
tupai	bassing
cacing	kalog

burung	manuk-manuk
ikan	daing
Kelawar	kabag
ular	sowa
ulat	ulat
rusa	payau
kambing	kambing
arnab	ambau belanda
cicak	sesok
semut	sammut
biawak	pahang
monyet	ruwak
lebah	buani
kuda	kura

FRASA DAN AYAT MUDAH

Berikut dipaparkan bentuk frasa dan ayat-ayat mudah yang digunakan dalam bahasa ini.

Frasa

Frasa	Erti
kapaddian aku	saya kesakitan
daing delaut	ikan laut
bettong ku	perut saya
heya baliu/paslad baliu	angin kencang

Ayat Mudah

Ayat Mudah	
Kawan saya duduk di sebelah saya	Sehe ku nengko? min bihing ku
Saya tinggal di Semporna	Aku tu tamban ma mantanani
Ikan itu besar	Heya na raing lua?
Kucing itu kurus	Kagkag sa kutig nan

KONTRASTIF LEKSIKAL BAHASA UBIAN MANTANANI, BAHASA BAJAU SEMPORNA DAN BAHASA BAJAU KOTA BELUD

Berikut diperlihatkan analisis kontrastif leksikal bagi bahasa Ubian, bahasa Bajau Semporna dan bahasa Bajau Kota Belud. Hanya 50 patah perkataan dimasukkan ke dalam perbincangan ini. Contoh analisis kontrastif leksikal yang sangat kecil jumlahnya itu dipaparkan hanya untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan antara ketiga-tiga bahasa kerana semuanya merupakan dialek dalam Rumpun Keluarga Bahasa Bajau. Berdasarkan contoh leksikal dalam jadual 10 di bawah, didapati bahasa Bajau Semporna memperlihatkan persamaan yang dekat dengan bahasa Ubian berbanding bahasa Bajau Kota Belud.

JADUAL 10. Perbandingan ringkas antara leksikal bahasa Ubian, Bajau Semporna dan Bajau Kota Belud

BIL	Erti	Ubian (Pulau Mantatani)	Bajau Semporna	Bajau Kota Belud
1	abang	oto?	oto?	kak
2	saya	aku	aku	aku
3	malam	sangom	sangom	songom
4	bapa	mma?	amma?	ma?
5	apa	ai	ai	iyen
6	semua	kamemon	kamemon	mimon
7	anak	anak	anak	anak
8	panjang	taha?	taha?	ta?
9	anjing	ero?	aro?	uwa?
10	pendek	pendok	puut	pendo?
11	baru	baha?u	bahauh	bau
12	bahu	baha?	baha	bo
13	mulut	bowa?	boa?	buwa?
14	basah	base?	base?	base?
15	batu	batu	batu	batu
16	cuci	ngose?	kuse?	nguse?
17	monyet	ruwak	ambuk	kuya?
18	benar	bennal	bannal	bana

19	berat	buhat	buhat	buwat
20	wanita	denda	danda	dendo
21	isteri	enda	endo	endo
23	bulan	bulan	bulan	buwan
24	bulu	bu	bu	bu
25	rambut	bu?un	buu	bu tekok
26	buta	buta	bulag	bulau
27	kotor	lemmi?	limmis	kama
28	dahan	sengga	batang	singo
29	darah	laha?	laha?	la?
30	daun	daun	raun	dun
31	fikir	mikil	pikil	mikir
32	dengar	tekale	pakale	kale
33	kecil	diki?	diki?	diki?
34	lidah	della?	dalla?	dela?
35	sejuk	haggut	tenne?	sajuk
36	lain	seddi?	saddi	debagi
37	jauh	lawak	ata?	tiyo
38	angin	baliu	bariu	beriu
39	dekat	sekot	sikot	sikot
40	asap	humbu	humbu	umbu
41	dia	iya	iya	iyo
42	hidung	ung	ung	urung
43	mengikat	ngengkot	ngingkot	ngingkot
44	tutup	tongkop	tutup	tombol
45	ekor	togel	togel	ingko
46	ikut	meya?	miya?	nut
47	gigi	empon	mpon	impon
48	ikan	raing	daing	ding
49	hisap	nesop	anossop	sesop
50	tebal	kappal	kappal	kappal

Paparan jadual 10 di atas secara dasar memperlihatkan bahawa bahasa Ubian Mantanani dan bahasa Bajau Semporna memperlihatkan banyak persamaan. Analisis kontrastif merupakan subdisiplin dalam bidang linguistik yang menumpukan kepada aspek perbandingan secara sistematik ciri-ciri linguistik tertentu terhadap dua bahasa atau lebih dengan tujuan untuk melihat perbezaan dan persamaan antara kedua-duanya. Fisiak (1992), Harimurti Kridalaksana (2008) pula menjelaskan bahawa analisis itu adalah perbandingan dalam konteks bahasa yang bermaksud untuk memerihalkan butir dan pola yang serupa atau berbeza antara dua bahasa atau lebih, atau dua tempoh atau lebih dalam perkembangan sesuatu bahasa untuk mencari hubungan genetik, tipologi atau prinsip supaya pengajaran bahasa lebih berkesan. Manakala, Sidi Gazalba (1981) mentakrifkannya sebagai menyelidiki faktor-faktor tertentu yang berhubung dengan suasana suatu perkara dan membandingkan

suatu faktor dengan faktor lain dalam menganalisa hubungan sebab-akibatnya.

Antara ciri-ciri persamaan yang diperlihatkan oleh bahasa Ubian Mantanani dan bahasa Bajau Semporna ialah unsur pemanjangan konsonan. Lihat contoh berikut.

Ubian Mantanani	Bajau Semporna	Makna
bennal	bannal	benar
della?	dalla?	lidah
seddi?	saddi?	lain
kappal	kappal	tebal
haggut	tenne?	sejuk

Selain itu, terdapat juga proses pengguguran yang membentuk unsur pembeza antara ketiga-tiga bahasa ini. Memandangkan senarai leksikal terhadap kepada hanya 50 patah perkataan maka, hanya satu

contoh yang dapat ditunjukkan bagi setiap proses berkenaan sebagaimana berikut.

- i) h -- ø /---#
humbu -- umbu
- ii) h -- ø /#---#
taha? -- ta?
- iii) h -- w / #---#
buhat -- buwat

Berasaskan kutipan 100 patah kosa kata dasar dalam bahasa Ubian Mantanani, penulis cuba memaparkan aspek retensi dan inovasi antara bahasa Ubian Mantanani dengan bahasa Austronesia Purba (*BAP). Perlu dijelaskan bahawa perbandingan ini bukannya mutlak kerana masih belum dilaksanakan satu kajian komparatif yang tuntas. Perbandingan berkenaan dapat dilihat sebagaimana jadual 11 di bawah ini.

JADUAL 11. Perbandingan 100 kosa kata dasar bahasa Ubian Mantanani dengan bahasa Melayu dengan bahasa Austronesia Purba (BAP)

Bahasa Ubian	Bahasa Austronesia Purba (*BAP)	Taraf Kognat *BAP-Ubian
aku	*aku	+
iya	*ia?	+
kaa	*kamu?	+
sigam	*tida	-
tuud	*[t]u?ud	+
kok	*ulu?	-
ettom	*qitem	-
keyat	*mairaq	-
pote?	*putiq	+
oto	*abang	-
siali	*tari	-
ina?	*ina	+
nai?	*paha	-
muha	*paras	-
atai	*qatey	+
kuit	*kulit	+
bettong	*kengpung	-
baha	*bara	-
bu	*bulu	+
bowa?	*basaq	-
bu?un	*busek	-
della?	*dilaq	+
mata	*mata	+
tinai?	*tinaqi	-
toalang	*tuqelan	+
ung	*ijusung	-
empon	*ipen	+
kukku	*kuku	+
tainga	*talinga	+
bukut	*likud	-
susu	*susu	+
bohe?	*wasir	-
dalenga	*qutan	-
ulan	*quzan	-
tai baliu	*rabun	-
baliu	*hangin	-
humbu	*hatap	-

kabus	*kabut	-
latt	*kilat	+
tana?	*tanaq	+
dilaut	*tasik	-
uwat	*urat	+
bulan	*bulan	+
saktua	*bi(nN)a(ŋ)(Ct)aŋ	-
daun	*dasun	+
sangom	*alem	-
batu	*batu	+
ngenda?	*kita	-
mono?	*bunuq	-
tekale	*dener	-
palangi	*languy	-
kenop	*tambah	-
titowa	*tawa	+
takka	*teka	+
pinong	*tektek	-
tunu?	*tunu	+
tiup	*siup	+
saggau	*taban	-
toho?	*rangaw	-
heya	*raya	+
baha?u	*baqeru	+
peddi?	*sakit	-
tinau	*takut	-
sekot	*hanpir	-
tasayu	*taqu	-
matai	*matey	+
lammok	*menyak	-
labu?	*nabuq	+
buta	*buta	+
diki?	*dikiq	-
hanggut	*dingding	-
taha?	*anuduq	-
pendok	*babaq	-
bennal	*bener	-
buhat	*bereqat	+
sigpit	*kepit	-
laat	*zaqat	-
lawak	*zauq	-
kagkag	*nipit	-
pasu?	*panas	+
pessa?	*pecaq	-
saging	*pitag	-
intollo	*qatelur	-
ungus	*qenay	-
mareyom	*qi dalem	-
samin	*kalemin	-
gibang	*kawiri	-
batainggah	*kua	-
ai	*apa	-
ero?	*asu	+
laha?	*daraq	-

lowang	*lubang	+
manuk	*manuk	-
on	*najan	-
nguppi	*nipi	+
toa	*tuqah	-
mainggah	*inu	-
mma	*ama	-
anak	*anak	+

Melalui paparan 100 leksikal di atas, masih dapat diperlihatkan dua ciri fonologi yang berlaku dalam bahasa Ubian daripada sumber asal bahasa Austronesia purba, iaitu ciri inovasi dan retensi pada posisi kata. Inovasi dan retensi adalah dua buah konsep yang penting dalam ilmu linguistik perbandingan sejarawi. Kedua-duanya merujuk kepada dua perkara yang saling bertentangan. Inovasi merujuk kepada sebarang perubahan yang melibatkan ciri bahasa purba yang muncul dalam sesebuah bahasa atau dialek semasa; manakala retensi pula adalah sebaliknya, iaitu apa-apa sahaja pengekalannya ciri bahasa purba dalam sesebuah bahasa atau dialek semasa. Yang dikatakan perubahan dan pengekalannya ciri bahasa purba tersebut adalah mencakupi kesemua elemen linguistik yang piawai dan asasi sekali seperti fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis mahupun semantik (walaupun sebenarnya agak sukar mengesan perubahan elemen sintaksis). Biasanya, mana-mana bahasa atau dialek memperlihatkan keberadaan ciri inovasi dan retensi secara serentak (Nurliyana Zainal Abidin & Adi Yasran Abdul Azizi 2016).

Kewujudan ciri inovasi dan retensi dalam sesebuah bahasa atau dialek semasa membolehkan proses pengelompokan/klasifikasi bahasa dilakukan (Collins 1985). Pengelompokan bererti mengelompokkan bahasa atau dialek ke dalam kelompok tertentu berdasarkan perkongsian persamaan dan perbezaan ciri linguistiknya (Hock 1986). Sesebuah bahasa atau dialek yang memperlihatkan inovasi bermaksud bahasa atau dialek berkenaan terpisah daripada bahasa atau dialek lain yang diturunkan daripada induk/sumber yang sama. Pemisahan ini membentuk cabangnya tersendiri dalam skema rajah pohon. Sebaliknya, jika sesebuah bahasa atau dialek memperlihatkan retensi pula, bermaksud bahasa atau dialek berkenaan tidak terpisah daripada bahasa atau dialek turunan yang lain. Kedua-dua ciri fonologi itu dapat dilihat melalui contoh-contoh di bawah ini.

i) Ciri retensi

JADUAL 12. Ciri Retensi antara Bahasa Austronesia Purba dengan bahasa Ubian Mantanani

*BAP	Ubian Mantanani	Erti
*ina	ina?	emak
*dilaq	della?	lidah
*mata	mata	mata
*tinaqi	tinai?	usus
*teka	takka	datang
*tunu	tunu?	bakar
*[t]u?ud	tuud	lutut
*manuk	manuk	ayam
*kuku	kukku	kuku
*tanaq	tana?	tanah

ii) Ciri Inovasi

JADUAL 13. Ciri Inovasi antara Bahasa Austronesia Purba dengan bahasa Ubian Mantanani

*BAP	Ubian Mantanani	Erti
*qatey	atai	hati
*matey	matai	mati
*nabuq	labu?	jatuh
*siup	tiup	tiup
*quzan	ulan	hujan
*kulit	kuit	kulit
*urat	uwat	urat
*baqeru	baha?u	baru
*putiq	pote?	putih

Antara bentuk inovasi yang berlaku sebagaimana berikut.

- i) n -- l /#---
*nabuq – labu?
- ii) s -- t /#---
*siup – tiup
- iii) ey -- ai /---#
matey – matai
- iv) r -- w /#---#
*urat – uwat

v) l -- ø /#---#
*kulit – kuit

vi) q -- ? /---#
*daraq – laha?

Selain ciri retensi dan inovasi, paparan 100 leksikal itu juga dapat menentukan kognat antara bahasa Austronesia Purba dengan bahasa Ubian Mantanani, iaitu menggunakan kosa kata dasar sebagai titik tolak, kaedah leksikostatistik dilaksanakan menerusi beberapa langkah. Kaedah ini dimulakan dengan mengumpul kosa kata dasar bahasa yang dibandingkan. Kemudian senarai kosa kata dasar dibandingkan dengan bahasa sumber secara berpasangan. Analisis bermula dengan penyisihan kosa kata yang tidak boleh diambil kira dan penentuan kata yang berkognat. Selepas ditentukan jumlah kata berkognat, ditentukan pula jumlah kata bersanak. Dalam hal ini, untuk mendapatkan peratus kata bersanak maka, jumlah kata berkognat harus dibahagikan dengan jumlah kata yang dibandingkan, yakni, selepas ditolak kosa kata yang tidak boleh diambil kira (Norah Mohamed & Rohani Mohd Yusof 2011). Untuk mendapatkan peratus kata yang berkerabat antara dua bahasa yang dibandingkan, jumlah kosa kata berkognat dibahagikan dengan jumlah kata dibandingkan, yakni jumlah kata selepas ditolak kata yang tidak diperlukan.

- (i) Kognat antara Bahasa Austronesia Purba - Ubian Mantanani
Jumlah kosa kata yang ditolak - 0
Jumlah kosa kata yang dibandingkan 100
Jumlah kosa kata berkognat - 31
Peratus kosa kata berkognat - (31/100) - 31 %

Untuk konteks hubungan antara bahasa Ubian Mantanani dengan bahasa Austronesia Purba (BAP) pula, daripada 100 perkataan yang dibandingkan hanya 31 perkataan yang menyamai BAP dan dari segi peratusan hanya sekitar 31 peratus sahaja yang memperlihatkan persamaan. Justeru, dapat dibuat kesimpulan bahawa bahasa Ubian Mantanani dengan BAP mempunyai hubungan kognat kerana BAP masih memperlihatkan hubungan bersifat rumpun kerana bahasa Ubian Mantanani juga tergolong dalam rumpun besar bahasa Austronesia Purba.

KESIMPULAN

Paparan sistem bahasa Ubian yang dibincangkan itu membuktikan bahawa bahasa Ubian merupakan satu bahasa yang mempunyai persamaan dengan bahasa Bajau yang dituturkan di daerah Semporna. Bahasa Bajau Semporna mengandungi enam fonem vokal dan 20 fonem konsonan (Asmah Hj. Omar 1983) berbanding dengan bahasa Ubian yang mempunyai tujuh fonem vokal dan 17 fonem konsonan.

Meskipun perbincangan sangat dini namun, dapat dikenal pasti sistem dalam bahasa ini menyerupai struktur dan sistem dalam bahasa Bajau Semporna berbanding bahasa Bajau Kota Belud. Kewujudan persamaan yang jelas antara bahasa Ubian dan bahasa Bajau Semporna membuktikan bahawa kedua-dua bahasa itu mempunyai tahap saling memahami yang tinggi berbanding bahasa Bajau Kota Belud. Sebagai salah satu bahasa dalam rumpun Austronesia, bahasa Ubian pastilah mempunyai ciri-ciri, sistem dan struktur nahu yang hampir serupa dengan semua bahasa di dalam rumpun tersebut. Ujian Kesalingfahaman antara penutur bahasa ini dengan bahasa-bahasa lain dalam rumpun keluarga bahasa Bajau belum pernah dilaksanakan namun, jika diteliti ujian kesalingfahaman yang dilakukan antara bahasa Bajau di pantai barat dan di pantai timur Sabah memperlihatkan peratus saling faham yang rendah antara kedua-dua bahasa itu. Seandainya dibandingkan tahap saling faham antara bahasa Ubian dan bahasa Bajau Semporna, berkemungkinan peratus saling faham itu tinggi. Walau bagaimanapun, belum ada sebarang kajian dilakukan berhubung dengan peratusan saling faham itu untuk bahasa Ubian dan Bahasa Bajau Semporna.

Secara keseluruhan, cerakinan awal terhadap bahasa Ubian ini mampu membuktikan bahawa terdapat hubungan kait bahasa ini dengan rumpun bahasa terdekat dengannya, iaitu rumpun keluarga bahasa Bajau. Selain itu, inventori fonem dan leksikal asas bahasa ini juga dapat dikenal pasti dan dipaparkan. Justeru, usaha selanjutnya perlu dilakukan untuk mendokumentasikan sistem dan struktur bahasa Ubian secara mendalam sebelum bahasa ini tergabung dan melalui akulturasi dengan dialek Melayu Sabah yang menjadi bahasa inter dan intra antara penutur bahasa-bahasa di Sabah.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1980. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. 1983. *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Alwasilah, A. Chaedar. 2011. *Linguistik: Suatu Pengantar*. Bandung: Angkasa.
- Buku Tahunan Perangkaan Sabah. 2015. Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah.
- Collins, J. T. 1983a. Dialek Pahang: Rangka Pengenalan. *Jurnal Dewan Bahasa* 27: 7-118.
- Collins, J. T. 1983b. *Dialek Ulu Terengganu*. Monograf 8. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. 1985. Dialek Melayu Pulau Tioman dan Rekonstruksi Bahasa Melayu Purba. *Jurnal Dewan Bahasa* 5: 369-383.
- Collins, J. T. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. 2005. Ibanic Languages in Kalimantan Barat, Indonesia: Exploring Nomenclature, Distribution and Characteristics. *Borneo Research Bulletin* 35: 17-47.
- Collins, J. T & Chong Shin (eds.). 2010. *Bahasa di Selat Makassar dan Samudera Pasifik*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Ethnologue – Ubian [https://www.ethnologue.com/language/ssb]
- Fisiak, Jacek. 1992. *Language and Languages: Contrastive Linguistics; Study and Teaching*. New York: Pergamon.
- Halina Sendera Mohd Yakin. 2003. *Akulturasi Imigran Filipina Generasi Pertama dan Kedua di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Harimurti, Kridalaksana. 2008. *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Hock, H. Henrich. 1986. *Principle of Historical Linguistics*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Ismail Ibrahim, Mohamad Azareen Aminullah, Humin Jusilin, Mohammad Pu'ad Bebit & Zaimie Sahibil. 2013. *Warisan Seni dan Budaya: Masyarakat Kepulauan Pesisir Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Jirey Kumalah, Gusni Saat, Jabil Mapjabil, Roszman Hussin, Teuku Afrizal, Mustapa Abu Talip. 2015. Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah. *GEOGRAFA: Malaysian Journal of Society and Space* 11(12): 112 - 128.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A. H., Rahim Aman. 2013. Inovasi dan Retensi dalam Dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 13(3): 211-222.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. 2014. Proses Pemanjangan Vokal dalam Dialek Hulu Sik Kedah: Satu Penerapan Teori Fonologi Generative Model Non-Linear. *e-BANGI. Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 9(2):195-205.
- Noriah Mohamed & Rohani Mohd Yusof. 2011. *Pengelompokan Leksikostatistik Bahasa-Bahasa Peribumi di Sarawak*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nurliaiana Zainal Abidin & Adi Yasran Abdul Aziz. 2016. Perbandingan Inventori Vokal Dialek Kelantan dan Negeri Sembilan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)* 4(2): 73-81.
- Roszman Hussin & Velan Kunjuraman. 2015. Work Transformation from Fisherman to Homestay Tourism Entrepreneur: A Study in Mantanani Island Kota Belud, Sabah, East Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* 24(1): 15-29.
- Saussure, de Ferdinand. 1981. *Course in General Linguistics Ferdinand de Saussure*. Suffolk: Montana.
- Sidi Gazalba. 1981. *Pengantar sejarah sebagai ilmu*. Jakarta: Bhratara.
- Warren, James. F. 1971. *The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau 1878-1909: The Pacification of a Maritime Nomadic Peoples*. International Series of Southeast Asia no. 22.
- Yusriadi. 2006. Batas Etnik Dayak-Melayu di Kalbar: Perspektif Linguistik. Dlm. Chong Shin, Karim Harun & Yabit Alas (eds.). *Reflections in Borneo Rivers*. Pontianak: STAIN Pontianak Press.
- Zaimie Sahibil. 2016. Ritual Adat Korban dalam Adat Masyarakat Ubian. *Gendang Alam* 6: 17-26.

Informan

En. Albi Alat (63 tahun)

Kampung Padang, Pulau Mantanani, Kota Belud.

Puan Harbia binti Saiani (39 tahun)
Kampung Padang, Pulau Mantanani, Kota Belud

Prof. Madya Dr. Saidatul Normis Hj. Mahali,
Fellow Penyelidik,
Pusat Penyelidikan Pulau-Pulau Kecil (SIRC),
Universiti Malaysia Sabah,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
E-mail: saidatul@ums.edu.my

Diserahkan: 20 Mac 2018

Diterima: 25 April 2018